Kenyataan Media

MCMC SIASAT KANDUNGAN HINA AGAMA ISLAM

CYBERJAYA, 25 Julai 2026 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengesahkan telah menerima aduan berhubung kes memuat naik kandungan jelik melampau berunsur 3R yang melibatkan penghinaan terhadap agama Islam di platform media sosial Facebook.

MCMC sedang menjalankan siasatan yang menyeluruh dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang penyalahgunaan platform komunikasi yang melanggar undang-undang.

Selain menjalankan siasatan, MCMC juga akan bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sedia memberikan bantuan teknikal serta sokongan kepakaran digital bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan, sekiranya diperlukan.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

MCMC memandang serius penyebaran kandungan jelik melampau berkaitan agama kerana perbuatan sedemikian berpotensi mencetuskan kebencian, menjejaskan perpaduan masyarakat sekali gus menggugat keharmonian antara kaum di negara ini.

Sehubungan dengan itu, MCMC mengingatkan orang ramai agar sentiasa menggunakan platform media sosial secara beretika, berhemah dan bertanggungjawab. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak memuat naik, berkongsi atau menyebarkan kandungan bersifat jelik melampau, penghinaan atau menghasut khususnya yang melibatkan agama.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my
Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia | MCMC_RASMI | SKMM_MCMC | MCMCTV